

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU AKAUNTAN GRED W19

KLASIFIKASI	:	KEWANGAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	TETAP	
KEKOSONGAN	:	1	
JADUAL GAJI (GRED S29)	:	GAJI MINIMUM	- RM1,353.00
		GAJI MAKSIMUM	- RM4,005.00
		KADAR KENAIKAN	- RM100.00
		GAJI TAHUNAN	

1. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau (Gaji permulaan: RM1,353.00)
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji Permulaan: RM1,409.40)
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji Permulaan: RM1,409.40)
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji Permulaan: RM1,465.80)
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji Permulaan: RM1,465.80)

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu melaksanakan sistem perakaunan kerajaan mengikut prosedur dan peraturan yang berkaitan.

3. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- (b) Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian LPSVN (<https://www.artgallery.gov.my>) akan diproses.
- (c) Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja dan gaji semasa, gambar berukuran pasport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 19 DISEMBER 2022

5. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- (a) tidak memohon jawatan melalui dalam talian;
- (b) tidak disertakan gambar berukuran pasport;
- (c) tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- (d) tidak lengkap dan tidak jelas; dan
- (e) tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan.

7. CATATAN AM

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.